

**SOALAN NO: 286**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**RUJUKAN : BL4 [PR-1323-T64523]**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status bagi pangsapuri flat PKNS Jalan Kuching, identiti-identiti pemilik, apakah perancangan untuk perobohan, pemindahan atau pembangunan semula kawasan tersebut dan juga status dan kos terkini Seksyen B projek mempertingkatkan Jalan Segambut ke Mont Kiara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, status projek mempertingkatkan Jalan Segambut ke Jalan Mont Kiara, Kuala Lumpur (Seksyen B), pada masa sekarang adalah seperti berikut:-

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengenalpasti lot-lot tanah yang terlibat untuk pengambilan tanah, dan juga jumlah sumbangan kewangan yang perlu dikenakan kepada pemaju-pemaju di kawasan Segambut/Mont Kiara.

Untuk lot-lot tanah persendirian yang belum dibangunkan, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang membuat perundingan dengan pemilik-pemilik tanah untuk kebenaran laluan untuk membina cadangan jalan yang dirancang.

Rekabentuk dan dokumen telah siap dan akan ditender selepas isu-isu di atas diselesaikan.

Kos projek untuk Seksyen B adalah di sekitar RM 100 juta iaitu meliputi kos perunding, pembinaan, pengambilan tanah dan pengalihan utiliti dan halangan fizikal di tapak. Projek ini akan dibiayai oleh peruntukan Kerajaan dan juga caruman kewangan daripada pemaju-pemaju di kawasan sekitar Jalan Segambut/Mont Kiara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tujuan projek '1 Student' Device with Cloud Education Platform The End-To-End Value', sama ada ia dalam proses ditawar dengan tender terbuka, sekiranya tidak, mengapa. Apakah jenama komputer, kos bagi setiap unit komputer, jumlah komputer dan berapa pembekal diperlukan dalam melaksanakan projek tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berada pada fasa untuk memuktamadkan pelaksanaan program 1Murid 1Peranti. KPM sedang mengadakan Makmal Pengurusan Nilai bersama Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MAMPU dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan KPM mendapat pulangan pelaburan yang tinggi serta keberkesanan program yang maksimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**

**SOALAN : 288**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada projek mendalamkan muara Terusan Selatan di Pintu Gedong Pelabuhan Klang ditawar dengan tender terbuka, sekiranya tidak mengapa dan berapakah kos bagi projek tersebut:-

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan sebuah syarikat pengerukan pada 21 Disember 2004 untuk tempoh 15 tahun bagi menjalankan kerja-kerja pengerukan di pelabuhan-pelabuhan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Pemberian konsesi pengerukan kepada syarikat pengerukan tersebut pada dasarnya adalah untuk mewujudkan syarikat pengerukan negara dalam usaha melahirkan kepakaran dan keupayaan tempatan di samping mengurangkan pengaliran keluar mata wang disebabkan kebergantungan kepada syarikat pengerukan asing. Sehubungan itu, semua kerja-kerja pengerukan pelabuhan persekutuan akan dilaksanakan oleh syarikat pengerukan berkenaan.

Setakat ini proses rundingan harga bagi projek mendalamkan Terusan Selatan, Pelabuhan Klang sedang dijalankan dengan syarikat berkenaan.

Nurul :